

08/09/2003

Politik kepartian rugikan pelajar

BERBICARA mengenai pelajar universiti, perkara yang pasti timbul selain barisan graduan yang lahir setiap tahun, adalah kaitannya dengan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). PTPTN menyediakan pinjaman tanpa sandaran bagi kebanyakan pelajar yang dipilih menuntut di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau swasta (IPTS). Ini adalah tambahan kepada biasiswa disediakan pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Pendidikan dan Mara. Itupun, masih ada sesetengah pelajar yang bersikap antikerajaan mengenai apa isu sekalipun. Mereka ini lebih suka mendampingkan diri dengan pihak yang sering menentang dasar kerajaan. Sikap ini turut menimbulkan tanda tanya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menganggap dengan segala kemudahan disediakan itu, tidak ada sebab pelajar universiti mesti menentang kerajaan.

Sikap antikerajaan ini diserapkan pula oleh kelompok pelajar dalam kempen pilihan raya kampus berlangsung minggu lalu. Cuma, berbanding keputusan beberapa tahun kebelakangan, pada pemilihan melantik ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di 15 IPTA, calon proaspirasi kerajaan menang besar mengalahkan calon propembangkang. Lebih menonjol adalah calon prokerajaan itu menguasai semula tiga kampus utama dilabel sebagai kubu pembangkang.

Kemenangan paling bermakna adalah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila ia dikuasai semula oleh calon proaspirasi selepas menunggu tujuh tahun. Perubahan sikap ini adalah satu petanda sihat berhubung kesedaran pelajar bahawa tiada faedahnya bergiat dalam politik yang tidak ada kaitan dengan kepentingan pelajar. Apatah lagi isu yang cuba dibawa golongan penentang ini tidak tertumpu kepada isu hal ehwal dalaman universiti. Jelas, pelajar yang propembangkang membiarkan diri mereka diracuni politik kebencian dibawa sesetengah parti politik tertentu. Sikap dan fahaman kepartian inilah yang menyebabkan adanya segelintir pelajar IPTA yang sibuk menyertai kempen politik yang tidak ada kaitan dengan isu kampus.

Sebagaimana kata Dr Mahathir, pelajar IPTA yang sibuk berpolitik hingga gagal untuk menumpukan perhatian kepada pengajian, hanya membazirkan wang negara. Sebenarnya kesedaran berpolitik itu tetap penting khususnya apabila mereka sudah lulus dan dengan berbekalkan ilmu dan kepakaran menjadi pemimpin berkualiti pada masa depan. Tetapi apa yang harus dihindarkan adalah sikap tidak berterima kasih dan bersyukur terhadap pelbagai bentuk bantuan dan kemudahan disediakan kerajaan kerana ini boleh mengakibatkan masyarakat menjadi kucar-kacir. Ini adalah masa untuk mereka menumpukan sepenuh masa untuk belajar, bukan membiarkan diri terjebak dalam ideologi politik.